

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN R.SIVARASA [SG BULOH]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila dan macam mana Kerajaan akan melaksanakan perubahan kepada lantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM seperti yang diumumkan oleh Datuk Seri Azam Baki pada 1 September 2020 iaitu lantikan Ketua SPRM akan dibuat melalui Parlimen dan memerlukan majoriti dua pertiga, pemecatan Ketua SPRM akan memerlukan keputusan satu tribunal khas seperti pemecatan hakim-hakim dan SPRM akan adakan suruhanjaya perkhidmatan sendiri.

**JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) dan mewujudkan proses pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang telus merupakan antara inisiatif yang telah dicadangkan bagi memperkasa SPRM sebagai agensi tunggal pembanteras rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di Malaysia. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) telah bersetuju supaya kedua-dua cadangan ini diteruskan dan akan melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Bagi menjamin ketelusan dan kebebasan SPRM, penubuhan SPPR dan pelantikan KP SPRM perlu dilaksanakan melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di negara ini. Selain itu, dua cadangan ini perlu dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan selaras dengan peruntukan-peruntukan yang melibatkan penubuhan suruhanjaya perkhidmatan lain dan ketua-ketua perkhidmatan khusus dalam negara. Antara elemen penting yang dicadangkan di dalam proses pelantikan KP SPRM adalah pencalonan bagi jawatan KP SPRM akan dibuat oleh satu jawatankuasa khas yang dianggotai dari kalangan ahli-ahli Parlimen.

KP SPRM juga dicadangkan agar tidak boleh di lucutkan jawatannya oleh mana-mana entiti selain melalui tribunal khas seperti yang diperuntukkan kepada Ketua Audit Negara Hakim Mahkamah Persekutuan. Kesemua cadangan ini memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Menurut Fasal 3 Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, apa-apa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan hendaklah mendapat sokongan tidak kurang daripada dua pertiga daripada bilangan ahli-ahli Parlimen. SPRM kini dalam peringkat menyediakan kertas kabinet yang akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk diperhalusi dan diluluskan.

Sekian, terima kasih.